

# **PANGGILAN UNTUK GEREJA MALAYSIA MENERUSKAN DOA DAN PUASA PADA MINGGU KUDUS BERMULA DARI HARI PALMA, 5 APRIL 2020**

Kami terus bersyukur untuk sambutan yang menggalakkan terhadap dua jemputan Berdoa dan Berpuasa bersama-sama yang lalu di tengah-tengah pandemik Covid-19 Coronavirus.

Hari Ahad yang akan datang adalah Hari Palma, di mana ia menandakan permulaan Minggu Suci yang berakhir dengan Hari Paskah, di mana kita merayakan kemenangan Yesus ke atas kematian. Kami menjemput anda sekali lagi untuk menyertai kami selama seminggu di dalam doa yang berterusan di pertengahan perintah kawalan pergerakan yang disebabkan oleh coronavirus.

Pada Hari Palma, kita memperingati bagaimana Yesus rela pergi ke Yerusalem dalam kepatuhan terhadap Bapa, sambil mengetahui bahawa Dia sedang menuju ke arah penyaliban-Nya. Renungan atas penderitaan dan kematian Kristus adalah satu pengalaman peribadi yang penting bagi setiap peribadi kita setelah apa yang ditempuhi keluarga, gereja-gereja dan negara-negara lain selama wabak coronavirus ini.

Pengamalan Minggu Suci ini mengingatkan kita tentang harapan kita dalam Kristus, di mana kita memperoleh kemenangan ke atas maut. Semasa kita merayakan Hari Palma di rumah masing-masing, marilah kita menjadi terang di mana adanya kegelapan, supaya jiran kita tahu bahawa Yesus Kristus telah mengatasi kematian, serta segala masalah dan kesedihan yang melandai kita selama ini.

Marilah kita menjadikan musim doa ini suatu waktu di mana kita berdoa untuk diri sendiri dan orang lain di mana jua mereka berada, yang dilandai masalah dan berasa cemas – dengan menyeru kepada Tuhan Allah kita, walaupun kita berseorangan, ataupun dengan rumahtangga sendiri, supaya penyelamatan, keamanan dan penyembuhan akan berlaku di dalam keluarga kita, negara kita dan seluruh dunia.

## **PANDUAN DOA [P - R - A - Y]**

*Panduan Doa ini boleh disesuaikan dan juga fleksibel untuk kegunaan peribadi dan keluarga semasa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO)*

### **PAUSE [JEDA - BERHENTI SEBENTAR]**

**BERDOA** Mazmur 11 dengan kuat

**DIAMKAN DIRI** Bernafas dengan mendalam, dan alu-alukan kehadiran Roh Kudus

**BERTAUBAT** Sebagai perbuatan simbolik, basuhlah tangan anda ketika anda membaca ayat-ayat ini dan gunakanlah bahasa yang tulus apabila bertaubat di hadapan Tuhan.

*Kisah Para Rasul 3:19 AVB - Oleh itu, bertaubatlah dan berpalinglah kepada Allah, supaya dosa-dosamu dihapuskan, dan supaya masa yang memberikan kesegaran datang kelak daripada Tuhan.*

*Yakobus 4: 8 AVB - Dampingi Allah, Allah akan mendampingiimu. Basuh bersih tanganmu, wahai kamu yang berdosa. Sucikan hatimu, wahai kamu yang munafik.*

*1 Yohanes 1: 9 AVB - Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.*

**MENYALAKAN LILIN HARAPAN** [perbuatan simbolik secara pilihan] Nyalakan lilin di jendela rumah anda jika anda berdoa pada waktu malam bagi simbol cahaya kehidupan yang ternyata, iaitu, Yesus Kristus, sumber dan harapan kami dalam doa. **Atau,**

**IKAT REBEN MERAH YANG MENANDAKAN HARAPAN** [perbuatan simbolik secara pilihan]

*1 Yohanes 1:7 AVB - Tetapi jika kita melangkah dalam cahaya, sebagaimana Allah wujud dalam cahaya, maka benar-benarlah kita hidup dalam persaudaraan satu sama lain, dan darah Yesus, Anak-Nya, menyucikan kita daripada segala dosa.*

Ikat reben merah di pintu gerbang, pintu atau tingkap rumah anda sebagai simbol darah Kristus yang menyucikan hati dan rumah kita, serta memeteraikan kuasa-Nya untuk melindungi kita dalam pandemik ini. **Tambah,**

**ANYAM SATU SALIB PALMA ATAU GANTUNGAN DAUN PALMA** [perbuatan simbolik secara pilihan]

*Yohanes 12:13 AVB - Mereka mengambil dahan-dahan pokok palma lalu pergi mengalu-alukan Yesus sambil berseru, "Hosana!" "Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan, Raja Israel!"*

Anyamkan satu salib palma ataupun gantungan daun palma (jika anda tidak dapat memperoleh daun palma, anda boleh gunakan daun-daun dari pokok yang berlainan ataupun mewarnakan kertas dan mengguntingkannya) di atas gerbang, pintu atau tingkap di rumah anda sebagai tanda luaran sukacita di dalam hati dan rumahmu, dan sebagai kesaksian kepada kuasa-Nya yang menyelamatkan kita daripada maut.

## **REJOICE (BERSUKACITALAH/ PENYEMBAHANI)**

**Deklarasi Ibadah/Doakan** (secara kuat) Mazmur 118

**Nyatakan** (secara kuat) Matius 21: 9

'Orang ramai yang berjalan di hadapan dan di belakang Yesus berseru-seru,  
"Hosana bagi Anak Daud!"  
"Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!"  
"Hosana di tempat yang maha tinggi!"

**Nyanyikan** lagu-lagu penyembahan tentang kasih Allah kerana Dia mengutuskan Anak-Nya Yesus untuk mati di atas salib untuk kita. Contohnya:

Yesus Berikan Hidup-Nya – *Adon*  
Karna Salib-Mu – *JPCC Worship*  
Lebih Dari Pemenang – *True Worshipers*  
Dihapuskan Dosaku – *Robert Lowry*  
Kuasa Salib-Mu – *NDC Worship*  
Salib Yang Mulia – *Robert & Lee Sutanto*

**Memuji dan bersyukur** melalui doa dan lagu kesyukuran dan pujian [Contoh: berkat yang diterima, doa yang dikabulkan dalam waktu yang terdekat]

## **ASK (PERMOHONAN Masa Doa Syafaat]**

Kami mencadangkan anda menggunakan kata-kata ikhlas dan mudah apabila berdoa, sambil anda berhenti seketika ayat-ayat yang disarankan untuk rujukan dan meditasi anda:

### **1. BERDOA UNTUK DIRI SENDIRI DAN ORANG LAIN DALAM MASA PENGASINGAN INI**

Yakobus 1: 2-4 AVB - *Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan. Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun.*

Mintalah Tuhan untuk membuat kehadiran-Nya dirasakan dalam masa pengasingan ini. Minta Allah untuk membantu anda membangunkan disiplin rohani yang dapat memperkasakan anda dan membantu anda melalui cabaran pada masa yang akan datang.

### **2. BERDOA UNTUK YANG SAKIT**

Yesaya 53: 4-5 AVB - *Sesungguhnya dia telah mengambil kesakitan dan menanggung penderitaan kita, tetapi kita menganggap dia dihukum oleh Allah, ditimpa olehnya, dan ditimpa. Tetapi dia telah ditikam untuk pelanggaran kita, dia telah dihancurkan oleh kejahatan kita; hukuman yang membawa kita kedamaian ada padanya, dan oleh luka-lukanya sembuh.*

Mintalah Tuhan untuk membuat kehadiran-Nya dirasakan bagi semua pesakit-pesakit, bukan saja untuk pesakit-pesakit coronavirus, dan untuk melindungi, menguatkan dan menyembuhkan orang yang dijangkiti dan keluarga mereka.

### **3. BERDOALAH UNTUK YANG MERASA CEMAS**

1 Petrus 5: 7 AVB - *Serahkan segala kerunsinganmu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat tentangmu.*

Mintalah Tuhan untuk mengambil rasa ketakutan dan kebimbangan kita, dan menggantikan dengan perasaan bersyukur, bertujuan dan kedamaian untuk mengejar Tuhan, meningkatkan kesihatan dan melindungi orang lain dari pendedahan pada penyakit ini.

### **4. BERDOALAH UNTUK ORANG TUA, YANG LEMAH DAN YANG TERDEDAH**

Mazmur 46: 1 AVB - *Allah Pelindung dan Pemberi kekuatan kepada kita, sentiasa sedia menolong pada waktu kesusahan.*

Perhatikan atau tuliskan [pilihan] nama-nama orang tua yang anda kenal atau mempunyai keadaan kesihatan yang boleh membuatnya mudah terdedah kepada Coronavirus. Mintalah Tuhan untuk melindungi mereka dari jangkitan. [Pilihan: cuba hantar teks atau memanggil mereka jika anda tersentuh membuat demikian].

### **5. BERDOA UNTUK AHLI POLITIK DAN PEMIMPIN NEGARA**

1 Timotius 2: 1-2 AVB - *Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia – untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat.*

Mintalah Tuhan untuk memberi kebijaksanaan luar biasa kepada pemimpin politik antarabangsa, nasional dan tempatan ketika mereka membuat keputusan untuk melindungi orang, dan membawa penasihat yang sangat baik untuk membimbing mereka untuk mengambil dan mengatur tindakan.

Mintalah Tuhan untuk memberi mereka kemampuan untuk berkomunikasi dengan jelas dan penuh kasih kepada masyarakat.

### **6. BERDOALAH UNTUK MEREKA YANG TERJEJAS DARI SEGI KEWANGAN**

Filipi 4: 19 AVB - *Allahku akan membekalkan segala keperluanmu daripada kekayaan-Nya yang termulia dalam Kristus Yesus.*

Mohonlah Tuhan akan memberikan segala keperluan bagi mereka yang kesulitan kewangan kerana mereka tidak dapat bekerja, dan untuk pemimpin perniagaan ketika mereka menghadapi gangguan yang belum pernah dialami.

Doakan golongan yang bergantung kepada pendapatan harian, para penjaja, usahawan kecil, penghijrah dan pelarian kerana kehidupan mereka terjejas oleh perintah kawalan pergerakan ini. Doakan supaya mereka menerima bantuan secepat mungkin, dan supaya gereja bangkit untuk menolong mereka.

## **7. BERDOA UNTUK GOLONGAN PROFESIONAL KESIHATAN DAN PARA PEKERJA BARISAN HADAPAN**

Yesaya 58: 10 AVB - *jika engkau mengorbankan diri bagi orang lapar dan memuaskan hati orang yang tertindas, maka terangmu akan terbit di dalam gelap dan kekelamanmu akan seperti tengah hari.*

Mintalah Tuhan untuk melindungi para pegawai-pegawai kesihatan dan pekerja barisan hadapan (dokter, jururawat, kru ambulans, penyelidik, keselamatan kebangsaan, polis, imigresen, bomba, pembersih dan sebagainya) yang menjaga mereka yang terjejas oleh virus, kerana mereka menangani setiap hari dengan peningkatan jumlah kes dan tekanan sengit yang datang dengan krisis ini.

Mintalah Tuhan untuk memberi mereka kedamaian, kebijaksanaan, dan kekuatan, dan mengurapi mereka di mana-mana mereka berkhidmat, dan melindungi mereka daripada jangkitan. Berdoalah untuk melindungi keluarga mereka serta menghormati mereka atas komitmen dan pengorbanan mereka.

## **8. BERDOA UNTUK PENYESUAIAN DIRI SECEPAT MUNGKIN KEPADA "KEBIASAAN BARU"**

Yesaya 40: 29-31 AVB - *Dia memberikan kekuatan kepada yang letih, dan menambah tenaga kepada mereka yang tidak berdaya. Orang muda menjadi letih dan penat, para teruna jatuh tersandung. Tetapi mereka yang menantikan **Tuhan** akan mendapat kekuatan baru. Mereka akan terbang tinggi dengan sayap seperti burung rajawali. Mereka akan berlari dan tidak menjadi penat, mereka akan berjalan dan tidak menjadi lesu.*

Tumpukan doa anda kepada golongan muda dan mereka yang ditenggelami berita buruk serta perasaan negatif sepanjang perintah kawalan pergerakan ini.

Mintalah Tuhan untuk memberkati dan menjaga keluarga menyesuaikan diri dengan semua orang yang berada di rumah oleh sebab pekerjaan, perniagaan dan sekolah sudah tutup.

Mintalah Tuhan akan membimbing semua domba-Nya dalam realiti baru mereka. Berdoa supaya pasangan suami isteri dapat saling mengasihi. Berdoa juga semoga Tuhan akan membantu ibu bapa yang sudah letih jaga anak-anak mereka dengan kata-kata baik dan memberi dorongan kepada anak-anak mereka.

Berdoalah untuk golongan muda untuk mencari cara-cara kreatif untuk mengalami kehadiran Tuhan dan keindahan semua yang telah Dia ciptakan dan untuk terus belajar dengan tekun.

## **9. BERDOALAH UNTUK MEREKA YANG DIKUARANTIN, DAN UNTUK MEREKA YANG MERASAKAN PENDERITAAN SEBAB KEHILANGAN ORANG YANG TERSAYANG**

Mazmur 23: 4 AVB - *Ya, meski aku melangkah di lembah bayangan maut, aku tidak akan takut kepada kejahatan, kerana Engkau ada bersamaku; gada dan tongkat-Mu menetapkan hatiku.*

Mintalah Tuhan untuk menghibur mereka yang bersedih atas kehilangan orang yang tersayang, mereka yang menghadapi ketidakpastian ketika dalam kuarantin diri dan mereka yang teman-temannya atau anggota keluarga berada di rumah sakit.

#### **10. BERDOA UNTUK MENGENDALIKAN DAN MENGATASI VIRUS YANG BERKESAN DAN CEPAT DAN BAGI ORANG-ORANG UNTUK MEMATUHI DAN BERKELAKUAN DENGAN KESEDARAN SIVIK YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Berdoa untuk keajaiban, kami masih percaya kepada mukjizat.

*2 Tawarikh 7:13-14 AVB - Jika Kututup langit sehingga tidak ada hujan, jika Kuperintahkan belalang melahap hasil bumi, dan jika Kulepaskan wabak penyakit di antara umat-Ku, lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka.*

Mintalah Tuhan untuk perlahan dan menghentikan penyebaran wabak Covid-19 Coronavirus.

Luangkan waktu untuk berdoa supaya Tuhan bercampur tangan secara khusus di negara-negara lain yang teruk dilanda wabak virus seperti, Itali, Sepanyol. Doakan untuk ramalan pusat wabak yang seterusnya, iaitu beberapa negara-negara di Asia Selatan, terutamanya India, Pakistan dan Bangladesh. Doakan juga untuk negara-negara yang dilanda virus yang diimpot dari acara yang diadakan di masjid Sri Petaling, di Kuala Lumpur, e.g. Indonesia, Brunei, Singapura, Cambodia, Vietnam dan Thailand.

Kami berdoa supaya kerajaan sedunia akan prihatin kepada rakyatnya, terutamanya India dan Indonesia, di mana golongan miskin mereka yang tiada tempat berteduh, dan pelarian menghadapi kesulitan di bawah suasana pergerakan terhad.

Berdoalah supaya orang ramai mematuhi dan bertindak dengan bertanggungjawab kepada arahan pihak berkuasa untuk memastikan penahanan peningkatan kes-kes wabak ini.

#### **11. BERDOALAH UNTUK 5 KAWAN DAN AHLI KELUARGA SUPAYA MEREKA MENERIMA YESUS KRISTUS SEBAGAI JURUSELAMAT MEREKA**

*Yohanes 3:16 AVB - Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.*

Pada masa ini, marilah kita tekun berdoa untuk ahli keluarga dan sahabat kita supaya mereka menerima Yesus Kristus sebagai Juruselamat mereka. Tuliskan sekurang-kurangnya nama 5 orang dan berdoa untuk mereka setiap hari.

## **YIELD (SERAHKAN DIRI)**

Marilah kita menyerahkan diri kepada Tuhan: hati kita, minda kita, suara kita, tangan kita dan kaki kita. Marilah kita meminta Tuhan untuk menggunakan kita untuk menjadi orang yang dipanggil dengan nama-Nya, yang mencerminkan kecantikan, kekudusan, kasih sayang dan cinta-Nya.

### **SEMOGA GEREJA MENDAPATKAN VISI YANG LEBIH SEGAR MENJADI UMAT YANG TEKUN BERDOA**

Bahawa orang-orang Kristian akan mengambil masa sekatan pergerakan ini untuk menjadi pendoa tanpa henti – berdiri atas jurang untuk keluarga dan rakan-rakan, dan untuk negara pada masa ketidaktentuan global dan ketidakstabilan negara.

Berdoa agar jemaat akan bangkit dengan PENUH SUKACITA DAN IMAN sebagai suara Allah yang membawa harapan serta kedamaian untuk membasmi perasaan takut terhadap pandemik koronavirus.

### **SEMOGA GEREJA MENJADI UMAT YANG PENUH IMAN, HARAPAN, KASIH SAYANG DAN BERTINDAK BELAS KASIHAN KEPADA SEMUA DAN PELBAGAI**

Bahawa Tuhan memberi kita kekuatan dan kebijaksanaan, dan membantu kita menjadi orang yang beriman dan berharapan, terutama dalam interaksi kita di media sosial.

Di samping doa-doa kita, marilah kita meminta Tuhan untuk memberi kita kebijaksanaan, belas kasihan dan kemurahan hati untuk bersungguh-sungguh mengambil kesempatan ini untuk untuk telefon atau hantar teks kepada sesiapa yang terpencil, mungkin membeli beberapa makanan tambahan untuk masyarakat miskin, pekerja gaji harian, dan juga untuk pendatang dan pelarian. Atau pun, menolong membeli dan membawa makanan atau barang runcit untuk jiran tua atau sakit.

### **SEMOGA GEREJA AKAN BERSATU DAN TERUS TAAT MENJADI SAKSI APABILA BERHADAPAN DENGAN KESUSAHAN**

Walaupun gereja tidak dapat menjalankan ibadah raya secara biasa untuk salah satu perayaan yang paling penting untuk semua umat Kristian, marilah kita terus berdoa supaya semua umat-Nya bersatu dan akan tetap taat dalam kesaksian masing-masing. Selain daripada tanggungjawab setiap orang untuk mematuhi arahan pihak berkuasa selama Perintah Kawalan Pergerakan ini, kami berdoa supaya kami akan tetap bersaksi untuk Kristus kepada orang lain, sambil mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak mencemarkan nama Kristus dengan perbuatan yang sembrono sambil menjejaskan kesaksian gereja Malaysia dan reputasi Injil di kalangan komuniti. .

Mintalah Allah untuk membantu jemaat Kristian menjadi contoh pengurusan kesihatan dan kawalan penyakit yang baik, serta untuk menjadi teladan yang baik kepada semua melalui penjagaan untuk golongan sakit, miskin dan yang serba kekurangan.

Berdoalah untuk peluang menunjukkan bahawa iman kami adalah dorongan untuk keberanian, pengorbanan, belas kasihan, dan kasih pada detik-detik yang susah.

## **MEMBERKATI SETIAP KUMPULAN DI ATAS YANG DILINDUNGI DOA DENGAN AYAT DARI BILANGAN 6: 24-26**

**Tuhan** memberkati kamu dan melindungi kamu.

**Tuhan** menyinari kamu dengan wajah-Nya dan memberi kamu kasih kurnia.

**Tuhan** menghadapkan wajah-Nya kepada kamu dan memberi kamu kedamaian.

## **NYANYIAN PENUTUP**

Allah Peduli – *Mike Mohede*

## **SELESAIKAN DENGAN DOA BAPA (Matius 6: 9-13 AVB)**

Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu.

Datanglah kerajaan-Mu.

Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga.

Berilah kami makanan untuk hari ini.

Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami.

Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.

Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya.

Amin.

## **DIAMKAN DIRI**

Bernafas secara mendalam, bersyukur kepada Tuhan atas kehadiran-Nya dan lepaskan ke tangan-Nya semua yang telah kamu doakan.



---

## CADANGAN TAMBAHAN UNTUK BERDOA SECARA KREATIF SEPANJANG HARI

*Doa tidak berhenti dengan perkataan sahaja.*

*Panduan berdoa secara kreatif ini akan membantu anda untuk menjalinkan hubungan anda dengan Tuhan secara kreatif supaya anda berdoa sepanjang masa. Anda boleh mengubahsuaikannya sehingga ia bersesuaian dengan anda.*

### **1. TETAPKAN PENGGERA ANDA UNTUK MELAFAZKAN DOA BAPA KAMI 7 KALI SEHARI, SERTA PADA WAKTU 12 TENGAH HARI**

Mazmur 119:164 AVB - *Tujuh kali sehari aku memuji-Mu kerana hukum-hukum-Mu yang benar.*

Tetapkan penggera anda - terutamanya di telefon bimbit anda - untuk melafazkan Doa Bapa Kami. Misalnya, anda boleh menetapkannya pada: 8 pagi, 10 pagi, 12 tengah hari, 2 petang, 4 petang, 6 petang dan 9 malam. Tetapkan penggera anda pada waktu yang sesuai supaya anda membina momentum doa tanpa henti.

### **2. LAFAZKAN DOA BAPA KAMI SETIAP ANDA MENCUCI TANGAN ANDA**

Sepertimana menggunakan sabun dan air untuk mencuci tangan kita amat penting di tengah-tengah wabak Covid-19, marilah kita lafazkan Doa Bapa Kami setiap kali kita mencuci tangan. Perbuatan ini dapat membantu kita menjaga hati dan menumpukan minda kita kepada Allah, serta membantu kita untuk mencuci tangan dengan betul apabila kita melafazkan Doa Bapa Kami secara perlahan.

### **3. BERSYUKUR SEBELUM MAKAN DAN SETIAP KALI PINTU PETI SEJUK DIBUKA!**

Marilah kita berhenti seketika dan bersyukur atas berkat Allah dalam masa yang ketidakpastian ini. Bersyukur untuk perkhidmatan asas yang masih berjalan seperti biasa, contohnya bekalan air dan elektrik. Letakkan lukisan dan ayat-ayat Alkitab yang menandakan kesyukuran pada pintu peti sejuk anda untuk menggalakkan sesiapa sahaja yang membukanya.

### **4. MENDIRIKAN MEZBAH/SUDUT DOA DI RUMAH ANDA**

Mengambil satu cabaran untuk khususkan satu tempat atau sudut di rumah anda sebagai kawasan doa peribadi ataupun untuk sekeluarga pada masa ini sambil kita duduk rumah.